

22/01/2001

Lebih 8,000 dijangka hadir pelancaran Graha Umno

MELAKA, Ahad - Lebih 8,000 ahli Umno dan anggota parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri dijangka hadir pada majlis pelancaran Graha Umno negeri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jalan Hang Tuah, di sini, petang esok.

Setiausaha Kerja Umno negeri, Hamzah Bajuri, berkata Dr Mahathir dijangka tiba pada jam 2.30 petang serta disambut oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam dan beberapa ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno.

Berikutan, itu, katanya, Jalan Hang Tuah akan ditutup kepada semua lalu lintas untuk tempoh beberapa jam sehingga acara perasmian selesai.

Beliau berkata, pada majlis berkenaan, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno dan semua ahli MT, akan diberi taklimat ringkas oleh Mohd Ali mengenai Umno negeri serta pelbagai masalah semasa.

"Selepas merasmikan bangunan setinggi lapan tingkat yang menelan kos RM12 juta itu, Dr Mahathir akan dibawa melawat pameran yang dipenuhi dengan gambar mengenai sejarah Umno yang disediakan oleh New Straits Times Sdn Bhd," katanya di sini, hari ini.

(END)